

24/01/2003

Dasar radikal jadikan Malaysia destinasi pelabur berdaya saing

Mohd Azlan Jaafar

KERAJAAN akan melaksanakan beberapa dasar radikal termasuk prosedur yang mempercepatkan pengeluaran lesen, permit, serta kelulusan tanah bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi pelaburan yang lebih berdaya saing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata wujud keperluan bagi menyelaras dan meningkatkan kecekapan dalam sistem memberikan kelulusan oleh kerajaan dan agensi berkaitan, termasuk meluluskan secara automatik projek yang membabitkan industri pembuatan.

Beliau berkata, langkah memperkenalkan prosedur pantas bagi kelulusan, pertukaran dan pemecahan tanah akan membabitkan kerajaan negeri, pejabat tanah daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Pihak yang terbabit di negeri harus faham semua usaha ini diambil bagi meningkatkan daya saing kita.

"Keseluruhan persekitaran di Malaysia mesti kondusif untuk perdagangan, perniagaan dan perkembangan ekonomi kita.

"Orang harus melihat Malaysia sebagai tempat yang menarik untuk bekerja dan menempatkan pejabat operasi dan ibu pejabat mereka," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Negara (CCNC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Putrajaya semalam.

Mesyuarat itu membincangkan cadangan dan masalah yang dihadapi dalam usaha meningkatkan daya saing Malaysia serta langkah bagi menarik kemasukan FDI.

Semua cadangan yang dikemukakan pelbagai kementerian selain MTEN dan jawatankuasa yang ditubuhkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diselaraskan dan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet untuk kelulusan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antara masalah yang sering ditimbulkan pelabur asing adalah mengenai kelulusan dan pertukaran status tanah, pengeluaran lesen, permit serta kekurangan tenaga mahir.

"Penyelarasan prosedur di semua negeri, pihak berkuasa tempatan dan jabatan teknikal terutama dalam pengeluaran lesen dan permit kepada syarikat termasuk sijil layak menduduki (CF) harus dilakukan dengan segera.

"Tiada guna kelulusan penukaran status tanah diberikan dengan cepat tetapi CF lambat walaupun kilang sudah dibina," katanya.

Abdullah berkata, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan (Mampu) sudah dipertanggungjawabkan bagi merangka prosedur standard bagi kelulusan pantas selain menerangkan kepada kerajaan negeri dan agensi terbabit berhubung pelaksanaannya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antara cadangan yang dibuat meningkatkan daya saing Malaysia, termasuk memanjangkan status taraf perintis serta pengecualian cukai, membenarkan tenaga kerja mahir asing bekerja lebih lama, serta memberikan insentif dan geran bagi usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"CCNC akan mengkaji semua cadangan berkenaan selain meminta semua kementerian yang berkaitan memberi pandangan bagaimana mereka dapat meningkatkan daya saing negara," katanya.

Ditanya bila kajian dan saranan CCNC itu akan diumumkan, Abdullah berkata, ia akan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan pakej khas bagi merangsang ekonomi.